

08 OCT 2001

LIMA-Kapal selam

DCNI BERADA DI HADAPAN DALAM MEMBEKAL KAPAL SELAM BAGI TLDM

LANGKAWI, 8 Okt (Bernama) -- Malaysia dijangka mengumumkan keputusannya mengenai pembelian kapal selam tidak lama lagi dan syarikat pembinaan kapal daripada Perancis, DCN International (DCNI) nampaknya berada di hadapan dalam persaingan untuk membekalkan kapal selam bagi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

Pengarah serantau DCNI Didier Arnaud berkata, syarikat itu dan kerajaan Malaysia telah mengadakan perbincangan tetapi keputusan akhir dijangka mengambil masa beberapa bulan.

"Perbincangan antara kerajaan Malaysia dan DCNI meliputi isu-isu melatih kakitangan, logistik, teknikal dan aspek-aspek lain," kata beliau kepada BERNAMA selepas menghadiri persidangan media yang diadakan oleh delegasi Perancis ke Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2001 (LIMA 01) di sini, hari ini.

Baru-baru ini, sebuah majalah pertahanan melaporkan yang Malaysia dan DCNI semakin dekat dalam menandatangani perjanjian untuk membekalkan dua kapal selam terpakai kelas-SSK Agosta dan dua kapal selam baru kelas-SSK Scorpene kepada TLDM.

Laksamana TLDM Datuk Seri Abu Bakar Jamal dalam satu temubual awal tahun ini berkata, TLDM akan mendapatkan secara berperingkat-peringkat empat kapal selam bagi armadanya yang terus berkembang dan keputusan itu akan dibuat hujung tahun ini.

Antara syarikat-syarikat yang mencuba nasib bagi kontrak lumayan itu ialah German Naval Group (GNG), Kockums dari Sweden dan satu syarikat usahama antara sebuah syarikat tempatan PSC-Naval Dockyard dengan RDM dari Belanda dan juga sebuah syarikat Rusia.

Mengenai persaingan daripada syarikat-syarikat lain, Arnaud berkata, semua pihak membuat tawaran kompetitif dan siapapun boleh memenanginya.

Arnaud juga mengesahkan, jika TLDM bersetuju dengan tawaran mereka maka DCN akan membekalkan TLDM dengan dua kapal selam jenis SSK Agosta yang tidak lagi digunakan oleh tentera laut Perancis dan seterusnya dua lagi kapal selam baru jenis SSK Scorpene.

Beliau berkata, dua kapal selam terpakai itu masih dalam keadaan baik dan akan menjalani pengubahsuaian dan berfungsi sebagai platform latihan bagi kakitangan kapal selam di masa depan.

RMN kemudian akan ditawarkan untuk membeli dua lagi kapal selam baru, iaitu Scorpene SSK dan Arnaud menambah kata jika perjanjian itu berjaya maka kedua-dua kapal selam itu akan dibina di pelabuhan Sepanyol.

"Tawaran itu ialah bagi tiga hingga empat kapal selam," katanya.

Beliau berkata, pemerolehan kapal selam akan meningkatkan lagi keupayaan TLDM dan ia aset penting bagi mana-mana tentera laut.

Sementara itu, Pengarah Hal Ehwal Antarabangsa Kementerian Pertahanan Perancis Lt Gen Philippe Roger berkata, perbincangan antara kedua-dua pihak mengenai kapal selam Malaysia sedang berjalan lancar.

"Pada pihak kami (Perancis) kami tidak sabar menunggu untuk menandatangani kontrak secepat mungkin," dan menambah kata hal itu juga akan dibangkitkan semasa lawatan Menteri Pertahanan Perancis Alain Ricard ke LIMA 01.

Semasa di sini, Ricard akan bertemu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Datuk Seri Najib Tun Razak, kata beliau.

Baru-baru ini, Tentera Laut Singapura memperolehi empat kapal selam

terpakai kelas Sjoormen dari Sweden sementara Thailand sedang menimbangkan untuk membeli kapal selam.

-- BERNAMA

MHI PR